

DAKWAH DAN KEARIFAN ILMU: MEMBINA INTEGRITI AKADEMIK DALAM ERA AI

DAKWAH DAN KEARIFAN ILMU: MEMBINA INTEGRITI AKADEMIK DALAM ERA AI

Ibtisam Ibrahim^{1*}
Muhammad Rozaidi Ahmad Romil²
Mohamad Irfan Mohamad Zabidi³
Muhammad Shukri Mohd Khalil⁴

¹Author A affiliation: Pusat Pengajian Dakwah & Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia. (E-mail: ibtisamibrahim@unisza.edu.my)

²Author B affiliation: Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan Malaysia.
(Email: rozaidi.romil@usas.edu.my)

³Author C affiliation: Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan Malaysia.
(Email: mohamadirfan@usas.edu.my)

⁴Author D affiliation: Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan Malaysia.
(Email: mshukri.mkhalil@usas.edu.my)

*Corresponding author: Author A email address

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Ibrahim, I., Ahmad Romil, M. R., Mohamad Zabidi, M. I., & Mohd Khalil, M. S. (2026). Dakwah dan kearifan ilmu: Membina integriti akademik dalam era AI. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 379 – 395.

Abstrak: Perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI) dalam dunia pendidikan telah membawa perubahan signifikan terhadap cara ilmu dihasilkan, diakses dan dimanfaatkan, khususnya dalam kalangan warga akademik. Walaupun teknologi ini menawarkan pelbagai kemudahan, penggunaannya turut menimbulkan cabaran terhadap integriti akademik khususnya apabila kemudahan teknologi tidak disertai dengan penghayatan terhadap kearifan ilmu. Berdasarkan pemikiran al-Attas, kearifan ilmu dalam kajian ini difahami sebagai keupayaan memahami kedudukan ilmu, menghayati hikmah dalam penggunaannya serta menerapkannya dalam amalan yang beradab dan bertanggungjawab. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis potensi dakwah sebagai pendekatan dalam pembinaan kearifan ilmu bagi menyokong pengukuhan integriti akademik dalam era AI. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap karya-karya terpilih berkaitan ilmu, hikmah dan adab serta literatur akademik mengenai dakwah, integriti akademik dan penggunaan AI dalam pendidikan tinggi. Hasil analisis menunjukkan bahawa dakwah mempunyai asas yang relevan sebagai pendekatan pembinaan kesedaran dan nilai dalam pengamalan ilmu, khususnya melalui proses bimbingan, pendidikan dan pembentukan akhlak. Berdasarkan hasil analisis literatur, kajian ini mencadangkan kerangka Dakwah Akademik berasaskan tiga elemen utama, iaitu pemahaman ilmu, penghayatan hikmah dan pengamalan

integriti sebagai kerangka konseptual bagi membimbing penggunaan AI secara lebih beretika dalam dunia akademik. Kerangka ini masih bersifat konseptual dan memerlukan penelitian empirikal bagi menilai kesesuaian serta keberkesannya dalam konteks pendidikan tinggi. Kesimpulannya, dakwah mempunyai potensi untuk diketengahkan sebagai pendekatan pembinaan kesedaran ilmu dan nilai dalam mendepani cabaran integriti akademik era AI, manakala Model Dakwah Akademik yang dicadangkan menyediakan asas konseptual untuk menghubungkan pemahaman ilmu, penghayatan hikmah dan pengamalan integriti dalam penggunaan AI secara beretika.

Keywords: *AI, Amalan pengetahuan beretika, Dakwah, Integriti akademik, Kearifan ilmu*

Abstract: *The rapid development of artificial intelligence (AI) in education has brought significant changes to the ways knowledge is produced, accessed, and utilised, particularly among academics. Although this technology offers various benefits, its use also presents challenges to academic integrity, particularly when technological convenience is not accompanied by an appreciation of intellectual wisdom. Drawing on the thought of al-Attas, this study understands intellectual wisdom as the ability to recognise the proper position of knowledge, appreciate the wisdom underlying its use, and apply it through practices that are ethical and responsible. Accordingly, this study aims to analyse the potential of da'wah as an approach to developing intellectual wisdom in support of strengthening academic integrity in the AI era. This qualitative study employs content analysis of selected works related to knowledge, wisdom, and adab, as well as academic literature on da'wah, academic integrity, and the use of AI in higher education. The analysis indicates that da'wah has a relevant basis as an approach to cultivating awareness and values in the application of knowledge, particularly through processes of guidance, education, and character formation. Based on the analysis of the literature, this study proposes an Academic Da'wah framework comprising three key elements: understanding of knowledge, internalisation of wisdom, and practice of integrity, as a conceptual framework for guiding more ethical use of AI in academia. The proposed framework remains conceptual and requires empirical investigation to assess its suitability and effectiveness in higher education contexts. In conclusion, da'wah has the potential to be advanced as an approach for cultivating intellectual awareness and values in addressing the challenges of academic integrity in the AI era, while the proposed Academic Da'wah Model provides a conceptual basis for connecting the understanding of knowledge, internalisation of wisdom, and practice of integrity in the ethical use of AI.*

Keyword: *AI, Academic integrity, Da'wah, Epistemic wisdom, Ethical knowledge practice.*

Pendahuluan

Dunia pendidikan tinggi pada masa kini berhadapan dengan gelombang disrupsi teknologi (*wave of technological disruption*) yang tidak pernah dijangkakan sebelum ini. Kemudahan yang pada asasnya hanya menjadi alat 'pemudah cara' dalam urusan pengaksenan telah membuktikan bahawa kemunculannya tidak lagi sekadar enjin carian semata-mata. Sebaliknya berfungsi sebagai 'pembantu berkognitif' yang mampu menjana teks, menganalisis data empirikal dan menulis kod pengaturcaraan dalam beberapa saat (Melisa et. al, 2025; Sapiee et. al, 2025; Chaudhry & Kazim, 2021). Walaupun AI menawarkan potensi besar dalam memperluas akses kepada maklumat serta meningkatkan kecekapan pembelajaran pada masa kini, kepesatan penggunaannya didapati telah melangkaui tahap kesediaan etika dalam kalangan penggunanya (Chaudhry & Kazim, 2021).

Perkembangan ini turut mencetuskan pelbagai implikasi etika yang memberi ancaman serius terhadap integriti akademik dalam institusi pendidikan tinggi (Melisa et. al, 2025; Chaudhry & Kazim, 2021). Sebagai contoh, gejala plagiarisme telah berevolusi bermula daripada proses ‘salin dan tampal’ (*copy-paste*) kepada penjaan penulisan berhantu (*AI ghostwriting*) (Cotton et al., 2024). Pelajar kini boleh menghasilkan tugas, esei dan juga tesis tanpa sebarang penglibatan kognitif yang sebenar. Hal ini mencetuskan kebimbangan kritikal tentang pemikiran kreatif dan kritis, keaslian karya, kejujuran intelektual dan kesahihan penilaian akademik (Sapiee et. al, 2025; Dempere et. al, 2023).

Sedangkan Islam memandang ilmu sebagai sebuah sarana yang sangat penting untuk mengenal dan mengetahui sesuatu kebenaran (*al-Haq*) (Alfi, 2018). Sekiranya AI dijadikan matlamat utama dalam memperoleh ilmu, maka fungsi sebenar teknologi ini sebagai alat bantu akan terpesong sehingga mengakis keupayaan intelektual manusia untuk memahami dan menilai sesuatu ilmu secara kritis. Dalam mendepani krisis moral ini, mekanisme kawalan luaran seperti perisian pengesan AI contohnya Turnitin *AI Detector* terbukti tidak memadai kerana ia sentiasa boleh dimanipulasi (Pietarinen & Shi, 2026).

Maka dalam mendepani krisis moral ini, mekanisme kawalan luaran seperti perisian pengesan AI contohnya Turnitin *AI Detector*, terbukti tidak memadai kerana ia sentiasa boleh dimanipulasi (Pietarinen & Shi, 2026). Oleh itu, penyelesaian yang lebih tuntas amat diperlukan melalui pendekatan dakwah. Dakwah dalam konteks ini bukan sekadar seruan ritual tetapi suatu proses *islah* (penambahbaikan) yang dapat membina kompas moral dalaman pelajar dan bidang akademik keseluruhannya. Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan integriti akademik dalam era AI daripada perspektif pendidikan, teknologi, psikologi dan etika, sebahagian besar kajian tersebut lebih menumpukan kepada aspek literasi AI serta pembangunan polisi institusi serta mekanisme pengesanan salah laku akademik. Sebaliknya, penelitian yang menghubungkan dakwah sebagai mekanisme pembinaan kearifan ilmu dalam membentuk integriti akademik masih terhad.

Kekosongan ini menyebabkan belum wujud satu kerangka konseptual yang menghuraikan bagaimana proses dakwah mampu membentuk kesedaran dalaman dalam penggunaan AI secara beretika. Dakwah dilihat berpotensi menjadi mekanisme pelindung yang membimbing individu membezakan penggunaan AI sebagai alat pemudah cara dengan penyalahgunaannya sebagai medium penipuan akademik (Marwantika & Dauda, 2025).

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis potensi dakwah sebagai mekanisme pembinaan kearifan ilmu dalam membentuk integriti akademik dalam era AI. Berdasarkan analisis literatur yang telah dijalankan, artikel ini turut mencadangkan Model 3P Dakwah Akademik sebagai satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan dimensi pemahaman ilmu, penghayatan hikmah dan pengamalan integriti bagi membimbing penggunaan AI secara beretika dalam pendidikan tinggi.

Sorotan Kajian

Penyelidikan berkaitan AI dalam pendidikan semakin berkembang dan banyak memfokuskan kepada isu penggunaan teknologi, etika serta integriti akademik. Namun kajian yang mengintegrasikan perspektif dakwah dengan konsep kearifan ilmu sebagai mekanisme pembentukan integriti akademik dalam era AI masih belum diterokai secara menyeluruh. Keperluan kajian seperti ini adalah penting dalam era penggunaan teknologi kini bagi

memastikan kualiti kepada sesuatu idea turut diberikan hak yang seadilnya apabila menjalankan sesuatu kajian. Oleh itu, sorotan literatur ini disusun mengikut tiga tema utama yang saling berkait iaitu integriti akademik, penggunaan AI dalam pendidikan dan konsep ilmu serta hikmah dalam Islam sebagai landasan bagi menjelaskan keperluan dan kepentingan artikel ini. Keperluan kajian seperti ini adalah penting dalam era penggunaan teknologi kini bagi memastikan kualiti kepada sesuatu idea turut diberikan hak yang seadilnya apabila menjalankan sesuatu kajian.

Integriti Akademik dalam Pendidikan Tinggi

Integriti akademik merupakan salah satu asas utama yang menentukan kredibiliti institusi pendidikan tinggi dan kualiti pembangunan insan. Integriti akademik merujuk kepada amalan kejujuran, amanah, kebertanggungjawaban dan etika dalam keseluruhan proses pembelajaran, penyelidikan dan penyebaran ilmu (*International Center for Academic Integrity*, 2021). Nilai-nilai ini bukan sahaja berkait dengan kepatuhan terhadap peraturan akademik seperti mengelakkan plagiat, penipuan atau pemalsuan data tetapi turut mencerminkan pembentukan sahsiah dan akhlak seseorang ilmuwan. Dalam konteks pendidikan tinggi masa kini, integriti akademik tidak lagi dilihat sebagai isu pematuhan terhadap polisi institusi semata-mata tetapi turut menjadi indikator kepada tahap profesionalisme, kepercayaan masyarakat dan keberkesanan sistem pendidikan dalam melahirkan graduan yang beretika (Macfarlane et al., 2014; Mohd Janib Johari, 2001).

Dalam konteks kajian yang telah dijalankan di Malaysia, antaranya Wan Mohd Khairul Firdaus et al., (2025) menjelaskan bahawa integriti akademik perlu difahami melalui kerangka yang lebih menyeluruh iaitu dengan meletakkan nilai Islam sebagai asas kepada pembentukan tingkah laku akademik. Kajian ini berpendapat bahawa pendekatan yang terlalu bergantung kepada mekanisme penguatkuasaan dan hukuman hanya mampu mengawal tingkah laku luaran, namun tidak semestinya membentuk kesedaran dalaman individu. Oleh itu, nilai seperti amanah, ihsan, *sidq* dan takwa perlu diterapkan secara sistematik dalam budaya akademik agar integriti menjadi sebahagian daripada keperibadian seseorang bukannya sekadar memenuhi keperluan institusi.

Pandangan tersebut turut diperkukuhkan lagi dengan kajiannya yang lain, yang mana Wan Khairuldin et al., (2024) juga telah mengemukakan Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam. Kajian tersebut mencadangkan bahawa integriti akademik perlu dibangunkan melalui gabungan dimensi akhlak, spiritual, intelektual dan profesional. Model ini menegaskan bahawa budaya ilmu yang sihat bukan hanya dapat menghasilkan individu yang cemerlang daripada aspek akademik, malah mampu untuk membentuk ilmuwan yang memiliki rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dan agama.

Manakala di peringkat antarabangsa pula, konsep integriti akademik turut mengalami perkembangan yang ketara selaras dengan perubahan landskap pendidikan global. Moya et al., (2023) melalui kajiannya menjelaskan bahawa definisi integriti akademik kini semakin kompleks kerana kemunculan teknologi generatif yang mampu menghasilkan tugas, penulisan akademik dan analisis secara automatik. Dalam keadaan ini, isu integriti tidak lagi hanya berkaitan dengan plagiat tradisional akan tetapi turut melibatkan persoalan ketulenan idea, pemilikan intelektual, ketelusan penggunaan AI dan kebertanggungjawaban akademik.

Oleh sebab itu, Eaton (2023) turut menyatakan bahawa perkembangan AI memerlukan perubahan paradigma dalam memahami integriti akademik. Menurut beliau, institusi

pendidikan tidak boleh sekadar memberi fokus kepada pengesanan penipuan akademik, sebaliknya perlu membina budaya integriti yang berasaskan nilai, etika dan literasi digital. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembentukan karakter individu lebih penting berbanding pergantungan kepada teknologi pengesanan semata-mata.

Sekiranya dilihat daripada aspek psikologi, kecenderungan tingkah laku untuk mengabaikan integriti akademik adalah disebabkan kebergantungan individu terhadap penggunaan AI. Pernyataan tersebut disokong oleh kajian Liu et al. (2026) yang mendapati bahawa tekanan akademik mempunyai hubungan positif dengan kebergantungan pelajar universiti terhadap AI generatif. Menurut kajian tersebut, tekanan akademik yang tinggi boleh mendorong pelajar bergantung kepada teknologi kecerdasan buatan sebagai strategi daya tindak (*coping mechanism*) untuk mengurus tuntutan pembelajaran dan mencapai prestasi akademik yang diharapkan.

Kebergantungan berlebihan terhadap AI berpotensi mengehadkan penglibatan pelajar dalam proses kognitif seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan pembinaan kecekapan sendiri. Abbas et al., (2024) juga menyatakan bahawa kebergantungan penggunaan AI yang tidak terkawal sering dipengaruhi oleh tekanan beban tugas dan kekangan masa. Pelajar yang menghadapi tuntutan tekanan akademik yang tinggi akan menggunakan AI sebagai strategi dalam mengurangkan tekanan tersebut. Namun penggunaan AI tanpa kawalan ini boleh menyebabkan kebergantungan dan mengurangkan usaha pembelajaran sendiri.

Situasi seperti ini yang akan mendorong individu untuk mengabaikan aspek integriti akademik yang mana kesahihan maklumat yang diberikan oleh AI generatif adalah tidak tepat dan tidak wujud (halusinasi AI). Selaras dengan itu, Che Wan Ahmad et al., (2025) menjelaskan bahawa penggunaan AI dalam pendidikan turut menimbulkan cabaran berkaitan ketepatan maklumat dan etika akademik apabila pengguna terlalu bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh AI tanpa membuat semakan kritikal.

Penggunaan Artificial Intelligence (AI) dalam Pendidikan

Perkembangan pesat teknologi *Artificial Intelligence* (AI) khususnya *Generative AI* seperti ChatGPT, Gemini dan *Copilot* telah membawa perubahan besar terhadap landskap pendidikan tinggi di seluruh dunia. Teknologi ini membolehkan pelajar memperoleh maklumat, menjana idea, menghasilkan penulisan akademik, menganalisis data serta menyelesaikan pelbagai tugas dengan lebih pantas. Dari sudut positif, AI dilihat mampu meningkatkan keberkesanan dalam pendidikan dan pembelajaran namun perkembangan ini turut menimbulkan persoalan berkaitan etika, integriti akademik dan pembangunan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar.

Mohd Hafizee Shahri (2025) menjelaskan bahawa penggunaan AI dalam pendidikan perlu difahami sebagai alat sokongan kepada proses pembelajaran dan bukannya pengganti kepada peranan manusia. Kajian tersebut menekankan bahawa AI berpotensi meningkatkan keberkesanan pengajaran sekiranya penggunaannya dipandu oleh prinsip syariah, adab ilmu dan tanggungjawab moral. Ini menunjukkan bahawa pembangunan teknologi tidak boleh dipisahkan daripada pembangunan nilai kerana kecanggihan teknologi tanpa bimbingan etika berisiko melahirkan budaya pembelajaran yang bersifat mekanikal dan kurang bermakna.

Buktinya dalam kajian Zurina Kamarudin (2025) mendapati bahawa majoriti pelajar melihat AI sebagai teknologi yang memudahkan proses pembelajaran dan penyediaan tugas. Walau

bagaimanapun, kajian tersebut turut melaporkan kebimbangan terhadap peningkatan kebergantungan pelajar kepada AI telah menjejaskan kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti dan kemampuan menghasilkan idea secara asli. Fenomena ini menunjukkan bahawa penggunaan AI secara tidak terkawal boleh menghakis tujuan sebenar pendidikan tinggi yang menekankan pembangunan intelektual dan pembentukan keperibadian.

Moya et al., (2023) juga menegaskan bahawa AI telah mengubah hampir keseluruhan ekosistem pendidikan termasuk proses pentaksiran, penyelidikan, penulisan akademik dan penghasilan ilmu. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa cabaran utama bukan lagi berkaitan kemampuan AI menghasilkan jawapan yang tepat tetapi bagaimana memastikan manusia masih berperanan sebagai pemilik buah fikiran dan pembuat keputusan yang bertanggungjawab terhadap hasil akademiknya. Sehubungan itu, institusi pendidikan disarankan untuk menilai semula pendekatan pentaksiran agar lebih menekankan proses pemikiran, refleksi dan aplikasi ilmu berbanding hanya menilai hasil penulisan semata-mata.

Pandangan ini disokong oleh Tan dan Maravilla (2024) yang menyatakan bahawa AI tidak semestinya mengancam integriti akademik sekiranya penggunaannya disertai dengan literasi AI, pendidikan etika dan pembentukan budaya akademik yang sihat. Jelas Tan dan Maravilla (2024) lagi, AI seharusnya dianggap sebagai rakan pembelajaran yang membantu manusia memperkukuhkan kefahaman bukannya menggantikan proses berfikir secara kritis.

Jika dilihat daripada sudut perspektif psikologi, penggunaan AI boleh dijadikan sebagai bentuk sokongan kognitif yang membantu individu dalam proses pembelajaran melalui penjaan dan penyusunan idea serta mempertingkatkan kemahiran menulis dengan lebih sistematik. Kenyataan ini disokong oleh Daud et al., (2024) yang mana penggunaan AI dalam kalangan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dapat meningkatkan kemahiran menulis dan berfikir secara kritis malah membantu pelajar untuk mengembangkan pemikiran kreatif dalam penggunaan bahasa dan struktur ayat yang melibatkan tugas berbahasa Melayu.

Interaksi dengan AI juga dapat meningkatkan efikasi sendiri melalui bimbingan, maklum balas serta cadangan penambahbaikan terhadap tugas akademik dalam tempoh masa yang cepat dan pantas. Kenyataan ini sejajar dengan pandangan Javaid et al., (2023) yang menunjukkan bahawa keyakinan individu dapat ditingkatkan melalui penggunaan ChatGPT sebagai alat sokongan pembelajaran yang seterusnya berpotensi meningkatkan keupayaan akademik. Namun, penggunaan AI ini perlu diseimbangkan supaya dapat meningkatkan regulasi sendiri individu tanpa bergantung sepenuhnya kepada AI malah menjadikan AI sebagai alat bantuan untuk memperkukuh keupayaan kognitif dan perkembangan sendiri akademik.

Idea tersebut disokong oleh Madih dan Abu (2025) yang mendapati bahawa kesan penggunaan AI terhadap pembelajaran bergantung kepada cara dan kaedah pelajar menggunakan teknologi tersebut. Pelajar yang mempunyai kemahiran regulasi sendiri yang baik lebih berkemungkinan menggunakan AI sebagai alat sokongan pembelajaran manakala pelajar yang kurang yakin terhadap kebolehan diri mungkin lebih mudah bergantung kepada AI untuk menggantikan usaha pembelajaran mereka.

Ilmu dan Hikmah sebagai Asas Integriti Akademik

Dalam perspektif Islam, penguasaan ilmu tidak hanya berkaitan dengan kemampuan mengetahui sesuatu, akan tetapi turut menuntut keupayaan memahami kedudukan, tujuan dan cara penggunaan ilmu secara tepat. Dalam konteks ini, hikmah memberikan dimensi pertimbangan yang membimbing seseorang menggunakan ilmu secara benar, adil dan bermanfaat. Perbezaan ini menjadi semakin signifikan dalam era AI apabila maklumat dapat diperoleh dengan begitu mudah tetapi dari sudut kebijaksanaan untuk menilai, memilih dan menggunakannya secara beretika masih bergantung kepada manusia.

Al-Attas (2001) menjelaskan bahawa krisis utama umat Islam bukanlah kekurangan ilmu tetapi telah hilangnya adab terhadap ilmu. Menurut beliau, apabila ilmu dipisahkan daripada adab maka lahirlah kekeliruan, penyalahgunaan ilmu dan kerosakan dalam kehidupan manusia. Pandangan ini menunjukkan bahawa pembentukan integriti akademik tidak memadai dengan penyampaian ilmu semata-mata sebaliknya memerlukan proses tarbiah yang membentuk hubungan antara ilmu, iman dan akhlak.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2019) turut menegaskan bahawa matlamat pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang baik bukannya sekadar pekerja yang cekap. Oleh itu, keberhasilan pendidikan tidak boleh diukur hanya berdasarkan pencapaian akademik atau kecanggihan teknologi, namun apa yang perlu dinilai adalah melalui kemampuan seseorang menggunakan ilmu untuk menegakkan keadilan, kebenaran dan kesejahteraan masyarakat.

Osman Bakar (1999) juga menyatakan bahawa tradisi keilmuan Islam sentiasa menghubungkan ilmu dengan hikmah. Iaitu kebijaksanaan dalam memahami hakikat sesuatu berdasarkan panduan wahyu dan akal yang seimbang. Dalam kerangka ini, hikmah menjadi elemen yang membezakan penggunaan ilmu secara bertanggungjawab daripada penggunaan ilmu yang hanya mengejar kepentingan material. Justeru, AI mampu menghasilkan maklumat dalam jumlah yang besar, namun teknologi tersebut tidak memiliki kesedaran moral, nilai spiritual atau pertimbangan hikmah sebagaimana yang dimiliki oleh manusia.

Pandangan ini selari dengan pemikiran Osman Bakar (2012) yang menegaskan bahawa ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang mendekatkan manusia kepada Allah SWT serta membentuk akhlak yang mulia. Beliau menjelaskan bahawa akal berfungsi sebagai alat memahami ilmu, manakala hati yang bersih menjadi asas kepada lahirnya hikmah. Oleh sebab itu, ilmu tanpa penyucian jiwa berpotensi membawa kepada kesombongan dan penyalahgunaan pengetahuan.

Keseluruhan perbincangan ini menunjukkan bahawa konsep ilmu dan hikmah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembentukan integriti akademik. Walaupun AI mampu mempercepatkan proses memperoleh maklumat, teknologi tersebut tidak mampu menggantikan fungsi hikmah yang lahir daripada gabungan ilmu, pengalaman, adab, akhlak dan petunjuk wahyu. Oleh itu, dakwah berperanan penting dalam membimbing manusia agar menggunakan AI sebagai wasilah memperkukuhkan pencarian ilmu, bukannya sebagai jalan pintas yang melemahkan integriti akademik. Pendekatan dakwah yang menekankan pembentukan hati, akhlak dan kesedaran tentang amanah ilmu dilihat berpotensi menjadi mekanisme yang mampu mengimbangi kemajuan teknologi dengan pembangunan insan secara menyeluruh.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian terdahulu banyak membincangkan integriti akademik dari perspektif etika, dasar institusi, penguatkuasaan serta penggunaan teknologi untuk mengesan salah laku akademik. Namun begitu, penelitian terhadap aspek pembinaan

dalam berbasaskan pendekatan dakwah dan kearifan ilmu masih terhad. Malah, belum terdapat kerangka konseptual yang mengintegrasikan pemahaman ilmu, penghayatan hikmah dan pengamalan integriti sebagai proses pembangunan insan dalam menghadapi cabaran penggunaan AI. Justeru, kajian ini mencadangkan pembinaan Model 3P Dakwah Akademik sebagai kerangka konseptual yang akan menghubungkan ketiga-tiga dimensi tersebut secara holistik. Kerangka konseptual Model 3P Dakwah Akademik merupakan kerangka konseptual bagi menjelaskan proses pembinaan integriti akademik melalui pendekatan dakwah dapat diterjemahkan dalam bentuk pengamalan integriti.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen. Pendekatan ini dipilih kerana bersesuaian untuk memahami, mentafsir dan mensintesis konsep-konsep berkaitan dakwah, kearifan ilmu, integriti akademik serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan tinggi secara mendalam. Menurut Ghazali dan Sufean (2024), analisis dokumen merupakan kaedah yang sesuai bagi meneliti sesuatu fenomena melalui penelitian sistematik terhadap sumber-sumber bertulis yang berautoriti, sekali gus membolehkan penyelidik membangunkan kefahaman konseptual berasaskan bukti ilmiah yang sedia ada.

Data kajian diperoleh melalui analisis terhadap pelbagai dokumen akademik yang mempunyai hubungan langsung dengan objektif kajian. Dokumen tersebut merangkumi artikel jurnal berwasit, buku ilmiah, laporan institusi, prosiding seminar serta karya-karya sarjana Islam yang membincangkan empat tema utama, iaitu integriti akademik, penggunaan AI dalam pendidikan, dakwah dan konsep ilmu serta hikmah dalam Islam. Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu (1) mempunyai kaitan secara langsung dengan fokus kajian, (2) diterbitkan oleh penerbit atau jurnal yang mempunyai autoriti akademik serta (3) mengandungi perbincangan yang signifikan berkaitan pembangunan integriti akademik dalam konteks penggunaan AI. Pendekatan ini bertujuan memastikan hanya sumber yang relevan, berkualiti dan menyokong pembinaan kerangka konseptual kajian digunakan dalam proses analisis.

Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Proses analisis dimulakan dengan pembacaan secara berulang terhadap semua dokumen bagi memperoleh kefahaman menyeluruh tentang isu yang dibincangkan. Maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian kemudiannya dikenal pasti, dikodkan dan dikelompokkan kepada beberapa tema utama berdasarkan persamaan konsep dan pola perbincangan. Tema-tema tersebut seterusnya disintesis bagi menjelaskan hubungan antara dakwah, kearifan ilmu, integriti akademik dan penggunaan AI dalam pendidikan tinggi. Hasil sintesis ini menjadi asas kepada pembinaan Model 3P Dakwah Akademik yang mengintegrasikan dimensi pemahaman ilmu, penghayatan hikmah dan pengamalan integriti sebagai kerangka konseptual kajian.

Bagi meningkatkan kredibiliti analisis, penyelidik menggunakan pendekatan triangulasi sumber dengan membandingkan dapatan daripada pelbagai kategori dokumen seperti artikel jurnal, buku ilmiah dan karya sarjana Islam. Perbandingan antara sumber-sumber ini membolehkan setiap tema yang dibangunkan disokong oleh pelbagai perspektif, sekali gus mengurangkan tafsiran yang bersifat subjektif (Ghazali & Sufean, 2024). Pendekatan tersebut turut membantu menghasilkan sintesis yang lebih komprehensif dan mantap dalam menjelaskan potensi dakwah sebagai mekanisme pembinaan kearifan ilmu bagi memperkukuh integriti akademik dalam era AI.


Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepantasan perkembangan kecerdasan buatan (AI) dalam dunia akademik telah mencetuskan krisis epistemologi dan etika yang tidak mampu ditangani melalui kawalan perisian teknikal semata-mata. Cabaran integriti akademik dalam era ini berkait rapat dengan kekaburan pertimbangan etika, motivasi yang tidak autonomi, kelemahan kawalan moral sendiri serta tekanan psikososial yang tidak dapat diselesaikan melalui pemantauan teknikal semata-mata (Lund et al., 2025). Kebolehan dakwah dikenal pasti bertindak sebagai intervensi moral-epistemik yang berkesan dalam mengorientasikan semula matlamat pencarian ilmu serta membina kompas etika dalaman warga akademik. Menerusi kerangka kearifan ilmu (*epistemic wisdom*), dakwah berupaya mendepani cabaran AI dengan mentransformasikan peranan teknologi daripada alat yang berpotensi menghakis kejujuran intelek kepada pemudah cara yang dipandu oleh nilai ketakwaan dan tanggungjawab moral.

Maka kajian ini membentangkan model yang mengintegrasikan tiga dimensi utama iaitu Model 3P Dakwah Akademik sebagai satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan tiga elemen iaitu Pemahaman (Ilmu), Penghayatan (Hikmah) dan Pengamalan (Integriti). Ketiga-tiga dimensi ini berfungsi secara progresif dan saling melengkapi dalam membentuk penggunaan AI yang beretika melalui unsur dakwah dan kearifan ilmu.

Secara asasnya, ketiga-tiga dimensi ini dibina bersumberkan kerangka pemikiran al-Attas yang dihuraikan oleh Holis et al. (2026). Menurut al-Attas, ilmu didefinisikan sebagai *huṣūl al-ma'nā fī al-naḥs* (sampainya makna sesuatu ke dalam jiwa) atau *wuṣūl al-naḥs ilā al-ma'nā* (sampainya jiwa kepada makna sesuatu). Menjelaskan bahawa ilmu bukan sekadar himpunan data, fakta atau maklumat tetapi merupakan suatu proses yang melibatkan jiwa dalam memahami makna dan hakikat sesuatu. Bahkan ilmu juga tidak dilihat sebagai penguasaan pengetahuan semata-mata, tetapi perlu disertai dengan adab yang dapat membimbing seseorang mengenali kedudukan dan tujuan ilmu serta cara menggunakannya dengan lebih tepat. Penghayatan terhadap adab kemudiannya diterjemahkan dalam tindakan yang selaras dengan ilmu yang diperoleh. Maka, dalam konteks akademik, hubungan ini dapat dikaitkan dengan integriti kerana ilmu yang difahami dan digunakan dengan adab menuntut sikap amanah, jujur dan bertanggungjawab dalam penghasilan serta penyebaran ilmu. Maka, bagi merealisasikan konteks yang dinyatakan al-Attas ini, model ini dibina sebagai kerangka dakwah dan kearifan ilmu supaya dapat diketengahkan sebagai pemangkin utama dalam mengemudi penggunaan AI dalam kalangan ahli akademik.

Hal ini kerana dakwah pada asasnya bukan sekadar menyampaikan mesej keagamaan, tetapi turut melibatkan proses tarbiah, *tazkiyah* dan pembinaan insan yang berteraskan nilai Islam. Dalam konteks kajian ini, dakwah dilihat sebagai pendekatan yang menghubungkan ilmu dengan nilai akhlak serta tanggungjawab kepada Allah SWT. Pendekatan tersebut menekankan bahawa penguasaan ilmu tidak seharusnya dipisahkan daripada hikmah dan adab dalam penggunaannya. Justeru, gabungan antara dakwah dan kearifan ilmu dapat menjadi asas dalam membentuk kefahaman serta penghayatan terhadap integriti akademik yang berteraskan nilai Islam (Zulkiple Abd. Ghani, 2010; Wan Mohd Nor Wan Daud, 2019). Oleh itu, Rajah 1 menggambarkan bagaimana dakwah dan kearifan ilmu dapat diintegrasikan dalam pembinaan integriti akademik berteraskan nilai Islam, sebagaimana yang dihuraikan dalam perbincangan berikut.



Rajah 1: Model 3P Dakwah Akademik
(Sumber: Dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan analisis literatur)

Berdasarkan analisis literatur yang telah dijalankan, kajian ini mendapati bahawa pembentukan integriti akademik dalam era kecerdasan buatan (AI) tidak berlaku secara serta-merta, sebaliknya melalui suatu proses pembangunan yang bermula dengan kefahaman yang benar terhadap ilmu dan fungsi AI, diikuti oleh proses penghayatan nilai melalui hikmah serta diterjemahkan dalam bentuk pengamalan integriti akademik. Dari aspek nilai tarbiah (pemahaman ilmu), dakwah berpotensi mendidik ahli akademik untuk memahami hakikat ilmu, fungsi AI serta batasan keupayaan teknologi tersebut secara kritis. AI ditempatkan secara wajar sebagai ‘rakan kognitif’ atau alat bantuan penyelidikan (Abdul Kamil Jamaludin, 2026), manakala daya pemikiran kritis dan pertimbangan etika manusia kekal memegang mandat utama menerusi prinsip pengawasan manusia (*Human-in-the-Loop*) (Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, 2026).

Dari aspek psikologi pendidikan, peneguhan tarbiah ini selari dengan keperluan membina motivasi autonomi iaitu keadaan apabila individu memahami makna, tujuan dan nilai sesuatu tugas lalu melaksanakannya dengan rasa pemilikan dalaman bukan semata-mata kerana ganjaran luaran atau tekanan prestasi (Yengkopiong, 2025). Pendekatan ini penting kerana motivasi intrinsik dan pengawalan yang dikenal pasti cenderung dikaitkan dengan penyesuaian akademik, kesejahteraan, keterlibatan pembelajaran dan tahap ketekunan yang lebih baik manakala motivasi ekstrinsik iaitu motivasi berasaskan ganjaran luaran dikaitkan dengan kesejahteraan yang lebih rendah dan hasil pembelajaran yang lemah (Wang, 2025).

Dalam konteks penggunaan AI, asas psikologi ini membantu menjelaskan bahawa konsep *tabayyun* (pengesahan dan semakan fakta) bukan sahaja amalan epistemik tetapi juga latihan kawalan sendiri yang menuntut autonomi, kompetensi dan rasa tanggungjawab terhadap kesahihan ilmu (Zheng & Sun, 2024). Hal ini sekaligus membawa kepada penekanan terhadap penerapan nilai tarbiah dalam menyemai disiplin *tabayyun* dalam kalangan penyelidik (Syed Shahridzan Syed Mohamed Ben ‘Agil 2026) seterusnya memastikan setiap input yang dijana oleh AI disemak, dinilai dan disahkan kesahihannya sebelum diguna pakai. Hal ini berupaya menghalang kecenderungan kebergantungan intelek secara membuta tuli yang boleh menjejaskan keaslian dan kualiti sesuatu karya ilmiah. Kebergantungan tanpa kawalan terhadap

AI berisiko menghakis kemahiran kritikal dan keyakinan terhadap pertimbangan manusia (Secreto et al., 2025).

Seterusnya, dakwah bertindak sebagai pemangkin kepada nilai *tazkiyah* (penghayatan hikmah) dalam menangani dorongan mengambil jalan pintas seperti *plagiarisme* janaan AI (*AI ghostwriting*) dan manipulasi data. Fungsi ini dapat diuraikan melalui konsep kawalan sendiri moral (*moral self-regulation*) iaitu keupayaan individu mengekalkan standard dalaman kejujuran walaupun berdepan peluang, tekanan atau rasionalisasi untuk menipu (Suralaga et al., 2021). Bukti semasa menunjukkan bahawa integriti akademik tidak ditentukan oleh satu ciri tunggal tetapi lahir daripada interaksi di antara kejujuran, sifat berhati-hati serta tanggungjawab, empati dan ketiadaan kecenderungan manipulatif.

Justeru itu, pendidikan berasaskan pembinaan watak dan refleksi diri lebih menjanjikan berbanding penyelesaian hukuman atau teknikal semata-mata (Liang & Reiss, 2026). Di sini, elemen *tazkiyah* berfungsi membebaskan dan menyucikan niat (Abdul Kamil Jamaludin, 2026) sarjana daripada dorongan sifat mazmumah yang berorientasikan pencapaian kuantitatif atau KPI semata-mata. Melalui *tazkiyah*, kesedaran *muraqabah* (rasa sentiasa diawasi oleh Allah SWT) serta nilai *amānah* dan *ihsān* (Sahlawati Abu Bakar et al., 2025) diserapkan dalam sanubari ahli akademik. Penghayatan hikmah ini membina benteng moral peribadi yang kukuh. Menjadikan ahli akademik berasa malu (*hayā'*) untuk melakukan penyelewengan intelek sekali gus menjamin kehormatan dan integriti proses pencarian ilmu. Pembinaan kompas moral dalaman lebih berkesan daripada kawalan luaran semata-mata (Lund et al., 2025).

Di samping itu, sinergi antara tarbiah dan *tazkiyah* memanifestasikan pembinaan Islam (pengamalan integriti) yang utuh dalam kalangan warga akademik. Melalui dimensi pengamalan, pembinaan sahsiah Islamiah menterjemahkan kefahaman dan penghayatan etika ke dalam budaya kerja penyelidikan yang nyata. Ahli akademik bukan sahaja menolak kebiasaan salah laku akademik, malah secara aktif mempraktikkan ketelusan menerusi pengisytiharan amalan penggunaan AI, pengiktirafan hak cipta dan pemeliharaan ketulenan gagasan pemikiran sendiri. Keadaan ini melahirkan ilmuwan berpaksikan ciri-ciri *Ulul Albab* iaitu golongan yang bijaksana memanfaatkan kecekapan teknologi tanpa mengorbankan prinsip syariat, adab dan nilai kemanusiaan.

Maka, untuk dimensi pertama, iaitu Pemahaman (Ilmu), merupakan asas kepada keseluruhan model. Pada peringkat ini, ahli akademik perlu memiliki literasi AI yang mencukupi bagi memahami fungsi, keupayaan dan batasan teknologi tersebut. Pemahaman ini bukan sahaja melibatkan keupayaan menggunakan AI secara berkesan, malah merangkumi kebolehan menilai kesahihan maklumat, mengamalkan prinsip *tabayyun* terhadap kandungan yang dijana AI serta memahami bahawa AI hanyalah alat sokongan kepada proses pembelajaran dan penyelidikan. AI bukannya pengganti kepada pemikiran kritis manusia. Oleh itu, dimensi ini membentuk asas epistemologi yang memastikan penggunaan AI sentiasa berpanduan tujuan sebenar pencarian ilmu.

Setelah individu memiliki kefahaman yang benar terhadap ilmu dan fungsi AI, proses tersebut perlu disusuli dengan dimensi kedua, iaitu Penghayatan (*Hikmah*). Dimensi ini berteraskan nilai *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa dan pembersihan niat) (Che Zarrina Sa'ari, 2007) yang memfokuskan kepada penerapan nilai-nilai dalaman (*core values*) seperti *amānah* (sifat dapat dipercayai), *muraqabah* (kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi) dan *ihsān* (kecemerlangan beretika) (Mohd Nasir Omar, 2010). Pemahaman terhadap ilmu yang tidak

disertai dengan penyucian jiwa berpotensi menyebabkan ilmu disalahgunakan bagi memenuhi kepentingan diri. Oleh itu, penghayatan *hikmah* berfungsi menginternalisasikan nilai-nilai moral dan spiritual sehingga terbentuk benteng dalaman yang menghalang ahli akademik daripada mengambil jalan pintas seperti plagiarisme, penjaan penulisan berhantu (*AI ghostwriting*) atau manipulasi data semata-mata demi memenuhi tuntutan prestasi dan KPI.

Dimensi ketiga, iaitu Pengamalan (Integriti), merupakan manifestasi kepada kefahaman ilmu dan penghayatan *hikmah* yang diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku akademik. Dimensi ini mewakili kemuncak pembentukan sahsiah Islam dalam dunia akademik apabila ahli akademik bukan sahaja memahami prinsip etika secara teoritikal, malah mengamalkannya secara konsisten melalui penulisan, penyelidikan dan penerbitan ilmiah. Antara bentuk pengamalan tersebut ialah membuat pengisytiharan penggunaan AI secara telus, menghormati hak cipta, memelihara keaslian idea, memastikan kesahihan data serta menghasilkan karya akademik yang berkualiti, berwibawa dan diberkati. Pada tahap ini, ahli akademik bertindak sebagai ejen utama yang menginternalisasikan keseluruhan kerangka Model 3P Dakwah Akademik dalam amalan profesional mereka.

Ketiga-tiga dimensi tersebut tidak berfungsi secara berasingan, sebaliknya saling melengkapi dalam suatu proses pembangunan yang berterusan. Pemahaman terhadap ilmu menjadi prasyarat kepada penghayatan hikmah, manakala penghayatan hikmah menjadi pemangkin kepada pengamalan integriti. Hubungan yang bersifat progresif ini menunjukkan bahawa integriti akademik bukan sekadar hasil pematuhan terhadap peraturan institusi atau penggunaan teknologi pengesanan, tetapi merupakan manifestasi daripada pembentukan kesedaran epistemologi, spiritual dan moral individu.

Perbincangan ini membuktikan bahawa kebolehan dakwah sebagai pemangkin kepada nilai tarbiah, *tazkiyah* dan pembinaan Islam menyediakan satu sistem semak dan imbang (*checks and balances*) berasaskan spiritualiti dan intelek yang holistik. Integriti akademik dalam era AI tidak boleh ditegakkan dengan perisian pengesanan *plagiarisme* semata-mata melainkan menerusi pembentukan insan beretika yang menghayati kearifan ilmu. Usaha mengintegrasikan nilai-nilai ini dalam landskap pendidikan tinggi dijangka dapat melahirkan budaya akademik yang bukan sahaja cemerlang dari sudut daya saing teknologi malah berkat, beradab dan mampan. Secara keseluruhannya, hasil interaksi antara dakwah, kearifan ilmu dan ketiga-tiga dimensi dalam Model 3P Dakwah Akademik dijangka dapat melahirkan budaya integriti akademik yang mampan serta membentuk ahli akademik yang seimbang dari aspek intelektual, spiritual dan profesional di era digital. Model ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan wacana dakwah kontemporari dalam konteks AI, malah juga berpotensi dijadikan asas kepada pembangunan garis panduan etika penggunaan AI, modul latihan integriti akademik serta dasar pendidikan tinggi yang berteraskan nilai Islam.

Penutup

Kesimpulannya, perkembangan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan tinggi menuntut suatu pendekatan yang bukan sahaja menekankan kecekapan teknologi, bahkan turut mengutamakan pembinaan insan berteraskan nilai, adab dan tanggungjawab moral. Artikel ini membuktikan bahawa dakwah mempunyai potensi sebagai pendekatan transformatif yang mampu memperkukuh kearifan ilmu melalui pengintegrasian pemahaman ilmu, penghayatan hikmah dan pengamalan integriti sebagaimana diuraikan dalam Model 3P Dakwah Akademik. Model ini menawarkan suatu kerangka konseptual yang menjelaskan bahawa pemeliharaan integriti akademik tidak memadai dengan mekanisme penguatkuasaan atau teknologi

pengesanan AI semata-mata. Sebaliknya memerlukan pembentukan kesedaran dalaman yang berasaskan nilai amanah, ihsan, *muraqabah* dan adab terhadap ilmu. Dalam konteks ini, AI harus difahami sebagai wasilah atau alat pengantara yang memperkukuh proses pembelajaran dan penyelidikan. AI seharusnya bukan menggantikan fungsi akal manusia, hikmah dan pertimbangan etika. Justeru, pembudayaan pendekatan dakwah dalam ekosistem pendidikan tinggi diyakini mampu melahirkan ahli akademik dan pelajar yang bukan sahaja kompeten dalam memanfaatkan teknologi malah memiliki integriti, kebijaksanaan dan tanggungjawab sebagai khalifah dalam mengurus ilmu. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menguji secara empirikal Model 3P Dakwah Akademik merentasi pelbagai institusi pengajian tinggi bagi menilai kesahan, kebolegunaan dan keberkesanannya dalam membentuk budaya integriti akademik yang lestari dalam era AI pada zaman ini.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan penulis bersama iaitu Muhammad Rozaidi Ahmad Romil, Mohamad Irfan Mohamad Zabidi dan Muhammad Shukri Mohd Khalil dari Jabatan Sains dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Perak di atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis Muhammad Rozaidi Ahmad Romil bertanggungjawab terhadap penambahan pengkonsepkan di bahagian pendahuluan, metodologi, pemurnian ulasan dapatan dan perbincangan di bahagian penutup. Penulis Mohamad Irfan Mohamad Zabidi menyumbang kepada sorotan literatur yang membincangkan aspek psikologi untuk etika penggunaan AI dalam pendidikan. Penulis Muhammad Shukri Mohd Khalil juga turut menyumbang idea berkaitan aspek psikologi untuk etika penggunaan AI di bahagian dapatan dan perbincangan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Abbas, M., Jam, F. A., & Khan, T. I. (2024). Is it harmful or helpful? Examining the causes and consequences of generative AI usage among university students. *International journal of educational technology in higher education*, 21(10), 1-22. <https://doi.org/10.1186/s41239-024-00444-7>.
- Abdul Kamil Jamaludin. (2026). Niat, Tanggungjawab dan Kelestarian AI, Menyingkap Akinnah al-Qalb melalui Falsafah Akhlak Digital. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kecerdasan Buatan (AI) dari Pespektif Islam. Pada 17 Mei 2026, Dewan Auditorium Al-Zahrawi, Hospital Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1995). *Islam dan Filsafat Sains*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (ISTAC).
- Alfi, L. (2018). Konsep Ilmu Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (Analisis buku Islam dan Filsafat Sains). *Jurnal Pemikiran Islam*, 2 (2), 195-209. <http://dx.doi.org/10.21111/tasfiah.v2i2.2580>.
- Ali, A. J. (2005). *Islamic Perspectives on Management and Organization*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing.
- Chan, C. K. Y. (2023). A comprehensive AI policy framework for higher education: Exploring the ethical, social, and educational implications of AI tools in learning and teaching. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 20(1), 38.
- Chaudhry, M. A., & Kazim, E. (2021). Artificial Intelligence in Education (AIED): A High-Level Academic and Industry Note. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3833583>.
- Che Wan Ahmad, C. W. S. B., Ahmad, S., Abd Rahman, K., & Junaini, S. N. (2025). Persepsi, Cabaran Dan Etika: Analisis Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pembelajaran Di Kalangan Pelajar: Perceptions, Challenges And Ethics: Analysis Of The Use Of Artificial Intelligence (Ai) In Learning Among Students. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(4), 260-271. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i4.298>.
- Che Zarrina Sa'ari. (2007). *Tazkiyah al-Nafs: Proses Penyucian Jiwa Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cotton, D. R. E., Cotton, P. A., & Shipway, J. R. (2024). Chatting and cheating: Ensuring academic integrity in the era of ChatGPT. *Innovations In Education and Teaching International*, 61 (2), 228-239. <https://doi.org/10.1080/14703297.2023.2190148>.
- Daud, M. Z., Ismail, E., Azli, M. S. M., Omar, M. K. A. R., Asyraf, M. I. A. M. J., Mahmod, N. M., & Sultan, A. A. M. (2024). Perspektif Mahasiswa Universiti Teknikal di Malaysia Terhadap Kecerdasan Buatan (AI) Sebagai Pemudah Cara Menyiapkan Tugas Berbahasa Melayu. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 8(2), 183-198.
- Dempere J, Modugu K, Hesham A and Ramasamy LK (2023) The impact of ChatGPT on higher education. *Front. Educ.* 8:1206936. doi: 10.3389/educ.2023.1206936
- Eaton, S. E. (2023). 6 tenets of postplagiarism: Writing in the age of artificial intelligence. *International Journal for Educational Integrity*, 19(1), 1–10.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2024). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Ed. 4). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Holis, N., Rofii Damyati, A., & Munaji, M. (2026). Konsep Pendidikan Islam Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: Analisis Epistemologis dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Kontemporer. *El-Furqania*, 11(02). <https://doi.org/10.54625/elf.v11i02.8221>.

- International Center for Academic Integrity [ICAI]. (2021). The Fundamental Values of Academic Integrity (3rd ed.). International Center for Academic Integrity. https://academicintegrity.org/aws/ICAI/asset_manager/get_file/911282?ver=1.
- Javaid, M., Haleem, A., Singh, R. P., Khan, S., & Khan, I. H. (2023). Unlocking the opportunities through ChatGPT Tool towards ameliorating the education system. *BenchCouncil Transactions on Benchmarks, Standards and Evaluations*, 3(2), 100-115.
- Khairuldin, W.M.K.F.W. , Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Hassan, S. A., Suhaimi, M. A., & Idham, M. A. (2024). Model Holistik Integriti Akademik Berteraskan Islam bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: A Holistic Islamic-Based Academic Integrity Model for Higher Education Institutions in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 193–207. <https://doi.org/10.7187/GJATSI122024-13>.
- Liang, H., & Reiss, M. J. (2026). A configurational exploration of how personality traits influence GAI academic misconduct behaviors using fuzzy-set qualitative comparative analysis. *BMC psychology*, 14(1), 411.
- Liu, X., Liu, Y., Dai, Y., & Fu, J. (2026). Academic stress and university students' dependency on generative artificial intelligence: a multiple mediation model using PLS-SEM. *BMC psychology*, 14(216), 1-14. <https://doi.org/10.1186/s40359-026-03986-9>.
- Lund, B., Mannuru, N. R., Teel, Z. A., Lee, T. H., Ortega, N. J., Simmons, S., & Ward, E. (2025, September). Student perceptions of AI-assisted writing and academic integrity: ethical concerns, academic misconduct, and use of generative AI in higher education. In *AI in Education* (Vol. 1, No. 1, p. 2). MDPI.
- Macfarlane, B., Zhang, J., & Pun, A. (2014). Academic integrity: A review of the literature. *Studies in Higher Education*, 39(2), 339–358.
- Madiyah, M., & Abu, R. (2025). Exploring the Relationship Between Academic Achievement and ChatGPT Usage: A Survey of Higher Education Students in Malaysia. *Journal of Informatics and Web Engineering*, 4(2), 275-302.
- Marwantika, A. I., & Dauda, K. O. (2025). Da'wah in the Algorithmic Era: Investigating Bias and Validity of Islamic Artificial Intelligence Applications. *Muharrrik: Jurnal Dakwah Dan Sosial*, 8(2), 1-19.
- Melisa, R., Ashadi, A., Triastuti, A., Hidayati, S., Salido, A., Ero, P. E.L., Marlina, C., Zefrin., & Fuad, Z. A. (2025). Critical Thinking in the Age of AI: A Systematic Review of AI's Effects on Higher Education. *Educational Process: International Journal*, 14, e2025031. <https://doi.org/10.22521/edupij.2025.14.31>.
- Mohd Hafizee Shahri. (2025). The Use of artificial intelligence in teaching and learning in higher education institution from Islamic perspective. *Jurnal KITAB*, 1 (Disember), 141-146.
- Mohd Nasir Omar. (2010). *Falsafah Akhlak Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moya, B. A., Eaton, S. E., Pethrick, H., Hayden, K. A., Brennan, R., Wiens, J., & McDermott, B. (2023). Academic integrity and artificial intelligence in higher education contexts: A rapid scoping review protocol. *Canadian Perspectives on Academic Integrity*, 5(2), 59–67. <https://doi.org/10.11575/cpai.75990>.
- Muhamad Fairuz Ali & Kamarul Shukri Mat Teh. (2025). Etika dan adab penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran Bahasa Arab menurut perspektif imam al-Ghazali dan ibn miskawayh. *Jurnal al-Haady*, 7(1), 22-31.
- Osman Bakar. (1999). *Sains, Teknologi dan Hakikat Insan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Pietarinen, A. V., & Shi, S. (2026). Manipulation and deception in generative AI-mediated education: Preserving epistemic agency, critical thinking, and creativity. *Postdigital Science and Education*, 1-23.
- Sahlawati Abu Bakar, Haziyah Hussin, Zaidul Amin Suffian Ahmad, Muhammad Aizat Syimir Rozaini. (2025). Merekonstruksi Etika Kecerdasan Buatan melalui Nilai Ihsan dan Amanah dalam Al-Quran Menggunakan Pendekatan Tafsir Tematik. *International Journal of Quranic Research*, 14 (September), 429-446.
- Sapiee, M. L., Abdullah, N. A., Halim, F. W., Kasim, A. C., & Romil, M. R. A. (2025). Pengaruh Dimensi Kecerdasan Emosi terhadap Kreativiti Pekerja (The Impact of Dimensions of Emotional Intelligence on Employees' Creativity). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 38(4), 37 – 50.
- Secreto, M. G. L., Bartolome, M. T., Gonzales, D. M. D., Merciales, H. G. E., & Vierende, Z. P. (2025). Academic integrity and AI-dependence of tertiary students under the College of Education in University of Cabuyao: Basis for school policy recommendation. *All Multidisciplinary Journal*, 6(3), 1853-1864.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh. (2006). Kepentingan Human-in-the-loop (HITL) dalam Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan yang Beretika. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kecerdasan Buatan (AI) dari Pespektif Islam. Pada 17 Mei 2026, Dewan Auditorium Al-Zahrawi, Hospital Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Suralaga, F., Azkiyah, S. N., Dhowi, B., Nisa, Y. F., & Rahmawati, Y. (2021). The Role of Moral Self-Regulation in Mediating the Effect of Goal Orientation on Academic Integrity. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 16(2), 902-915.
- Syed Shahridzan Syed Mohamed Ben'Agil. (2026). Kecerdasan Buatan (AI) dalam Fatwa: Cabaran Kepercayaan antara Ulama & Algoritma. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kecerdasan Buatan (AI) dari Pespektif Islam. Pada 17 Mei 2026, Dewan Auditorium Al-Zahrawi, Hospital Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Tan, M.J.T & Maravilla, N.M.A.T. (2024) Shaping integrity: why generative artificial intelligence does not have to undermine education. *Frontiers in Artificial Intelligence*. 7:1471224. DOI: 10.3389/frai.2024.1471224.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Wan Nur Izzati Wan Nor Anas, Abdul Hanis Embong & Shahir Akram Hassan. (2025). Integriti akademik dan akauntabiliti institusi pengajian tinggi di Malaysia: pendekatan berteraskan nilai Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 26(3), 1-9. <https://doi.org/10.37231/jimk.2025.26.3.976>.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- Wang, R. (2025). Psychological Education and Academic Development: Evidence on Student Motivation from the Perspective of Self-Determination Theory. *Lecture Notes in Education Psychology and Public Media*. <https://doi.org/10.54254/2753-7048/2026.ht31001>
- Yengkopiong, J. P. (2024). The way forward for secondary school students: The role of self-determination theory and intrinsic motivation. *East African Journal of Education Studies*, 8(1), 288-299.
- Zheng, B., & Sun, T. (2025). Self-regulated learning and learning outcomes in undergraduate and graduate medical education: A meta-analysis. *Evaluation & the Health Professions*, 48(4), 430-450.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2010). *Islam, Komunikasi dan Media Baharu*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Zurina Kamarudin. (2026). Generative ai and academic integrity in higher education: student perspective on chatbot use and ai-enhanced learning. *Al-Qimah Al-Mudhafah The Journal of Management and Sciences*, 10 (1), 46-58.